

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PELANCARAN PROGRAM FOOD BANK SISWA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA, 17 SEPTEMBER 2019 – Susulan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 15 Februari 2019, Kerajaan telah memutuskan untuk meluaskan Program Food Bank Malaysia yang dikendalikan oleh Kementerian ini ke seluruh institusi pengajian tinggi

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menyusun satu pertemuan yang dipengerusikan sendiri oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan semua Naib Canselor IPTA yang berlangsung pada 4 Mac 2019 bagi membincangkan pelaksanaan program ini di peringkat Universiti.

Inisiatif Food Bank Siswa ini berkonsepkan **“Daripada Mahasiswa kepada Mahasiswa”** di mana kita mengalu-alukan pelajar yang ingin terlibat dalam melaksanakan Food Bank Siswa ini terutamanya dari persatuan-persatuan pelajar untuk sama-sama membantu golongan pelajar yang memerlukan. Ini adalah kerana, Kerajaan ingin memastikan pelajar sebagai pelapis negara dapat menimba lebih banyak pengalaman dalam pelaksanaan program kebajikan seperti ini. Ianya juga adalah bagi memupuk semangat sukarelawan di samping dapat bergiat aktif di dalam aktiviti yang dijalankan di Universiti.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah Universiti ke-14 sejak Program Food Bank Siswa ini dilancarkan. Ianya telah dilaksanakan di **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cheras, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

(UTEM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Sebagai permulaan pelaksanaan Program Food Bank Siswa di UUM ini, terdapat **200 orang pelajar** dari UTHM telah dikenalpasti dan layak menerima bantuan daripada program ini. Pihak **Leong Hup International, Econsave Cash & Carry (YP) Sdn. Bhd., Nirwana Maju (Yong Peng) Sdn. Bhd., Restoran Syed, Fikri Rice Sdn. Bhd., Restoran Kari Kambing 40 Hari, Restoran Asam Manis, Angenet Sdn. Bhd., Faiza Sdn. Bhd., Lam Soon Edible Oils Sdn. Bhd., Hwa Tai Industries Berhad, Restoran Ceria Maju dan Munchy Food Industries Sdn. Bhd.** yang terlibat sebagai rakan penaja bagi program ini. Program ini akan digerakkan oleh **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Gerakan Pengguna Siswa (GPS) dan Kechara Soup Kitchen (KSK).**

KPDNHEP melalui Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) telah mengambil langkah-langkah berikut seperti membuka ruang seluas-luasnya kepada semua pihak untuk turut serta dalam menjayakan program ini agar sumbangan kita ini mampu memberikan sinar baharu kepada mahasiswa yang sedang menuntut ilmu di universiti. Ini adalah bagi menangani kos sara hidup yang dihadapi oleh mahasiswa yang kian meningkat.

KPDNHEP dan YFBM percaya semangat kesukarelawanan yang tinggi dapat dibentuk menerusi program ini dan berharap inisiatif ini dapat diperluaskan ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kolej Universiti, Maktab Perguruan dan Politeknik pada masa akan datang.
